

Ruk Kami : SUA:GMGBM/MEMO/06  
Tarikh : 20 Julai 2006.

Ke Majlis

Yang Berhormat  
Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein  
Menteri Pelajaran Malaysia

Yang Berhormat Dato' Sri,

**MEMORANDUM KHAS GABUNGAN MAJLIS GURU BESAR MALAYSIA**

Terlebih dahulu bagi pihak Yang DiPertua dan Exco Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia mendoakan kesejahteraan kepada YB Dato' Sri sekeluarga semoga sentiasa dalam peliharaanNya .

2. Bersama-sama ini disertakan senaskah Memorandum Khas Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia untuk perhatian dan tindakan YB Dato' Sri.

3. Keperihatian dan maklum balas dari pihak YB Dato' Sri terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA,”**

Saya yang menjalankan tugas,

**RUSLAN BIN MADON PPN, PJK**  
Setiausaha Agung  
Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia.

s.k.

1. Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
2. Setiausaha Sulit Kanan Menteri Pelajaran
3. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
5. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia(Jabatan Sekolah)
6. Pengarah Bahagian Sekolah
7. Setiausaha Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Pengarah-Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

# **MEMORANDUM**

**KEPADА  
YANG BERHORMAT  
DATO' SRI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN  
MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**DARIPADA  
GABUNGAN MAJLIS GURU BESAR  
MALAYSIA**



Yang Berhormat;  
Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein,  
Menteri Pelajaran Malaysia

Bertarikh : 18 Julai 2006

YB Dato' Sri,

### **MEMORANDUM KHAS GABUNGAN MAJLIS GURU BESAR MALAYSIA**

Umum menyedari bahawa agenda pendidikan adalah satu wadah perjuangan bangsa Malaysia agar berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Dalam usaha memartabatkan agenda pendidikan negara serta memperkasakan profesion keguruan kearah meletakkan kualiti pendidikan negara ini bertaraf dunia, Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia yang mewakili 7777 ahli, **selama ini dan akan sentiasa** berdiri teguh serta menyokong penuh sagala usaha kerajaan yang diterajui oleh YAB Dato Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang amat dikasihi serta kepimpinan Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah pimpinan YB Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia.

Kami amat berterima kasih dan menyanjung tinggi segala usaha kerajaan untuk kemajuan bidang pendidikan di negara ini terutama melahirkan pewaris bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang dengan menekankan aspek modal insan agar wawasan negara dan wawasan pendidikan dapat direalisasikan demi Malaysia yang tercinta ini.

Kami juga bersyukur ke hadzrat llahi dan berterima kasih kepada kerajaan atas segala kemajuan dan kemudahan yang telah selama ini kami kecapi seiring dengan pembangunan dan kemajuan negara sejak mula mencapai kemerdekaan 49 tahun lalu. Setiap Belanjawan Tahunan Negara dan dalam setiap Rancangan

Lima Tahun Negara, bidang pendidikan bukan sekadar mendapat perhatian utama bahkan mendapat peruntukan yang cukup besar. Ini membuktikan betapa kerajaan sedar bahawa pendidikan adalah aset utama negara yang menentukan halatuju kemajuan dan ketamadunan bangsa Malaysia nan tercinta.

Menginsafi dan menyedari bahawa masih terdapat banyak ruang yang perlu diberi perhatian dan ditangani segera secara serius, menyedari bahawa angin perubahan perlu dilaksanakan secara berterusan dan dihalusi untuk kesinambungan kemajuan pendidikan di masa akan datang, menyedari bahawa suara wira akar umbi pelaksana dasar yang tidak didendang ini apatah lagi barangkali kurang didengari akan luahan hati nurani mereka, maka dengan penuh ketulusan dan keikhlasan hati, Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia menyedari dan melihat bahawa tibalah masanya untuk mengirim warkah nukilan harapan besar ahli-ahli gabungan, bukan untuk sekadar tatapan YB Dato' Sri tetapi jauh lebih dari itu dengan doa dan harapan rintihan yang selama ini diperjuangkan secara beradab dan mengikuti lunas-lunas prosedur, akan mendapat perhatian wajar, tindakan segera dan direalisasikan demi pendidikan di negara ini.

Kewajaran warkah ini adalah berpaksikan kepada rasa kebimbangan yang selama ini terpendam, terbuku dan menghantui kami kerana dirasakan pendidikan rendah yang meliputi aspek pengurusan dan kepimpinan di sekolah rendah kurang diberi perhatian serta pengiktirafan yang sewajarnya oleh pihak JPA dan Kementerian sebagaimana rakan-rakan dalam perkhidmatan siswazah atau kumpulan professional. Mereka sentiasa dilimpahi dengan pelbagai peluang dan keistimewaan yang secara skalanya amat jauh berbeza dari kami. Siapalah kami golongan pengurusan sekolah rendah ini, walaupun ramai, suara tidak diendahkan. Dalam erti kata lain kami telah sekian lama diselimuti rasa terpinggir yang amat mendalam.

Realitinya, Guru Besar yang taat ini dan “sentiasa menurut perintah” adalah sebenarnya pelaksana dasar kerajaan dan kementerian yang tidak pandai ingkar kepada arahan tetapi sebaliknya, pengorbanan ini tidak pula diperakukan sebagai “Pengurus Sekolah Yang Hakiki”. Ini dapat dilihat dan diambil kira dari sudut kebijakan yakni “upah”, “ganjaran” dan layanan yang setimpal.

Jika perbandingan dengan negara maju yang mana pendidikannya adalah bertaraf dunia hendak diambil kira, pendidikan rendah dan pendidikan asas di negara-negara tersebut diberi perhatian utama termasuk aspek kebijakan Pengurus Sekolah. Pengurus Sekolah Rendah diberikan layanan dan pengiktirafan yang setaraf dengan Pengurus Sekolah Menengah.

Contohnya seperti apa yang sedang berlaku ketika ini, di mana dikhuatiri pengisian jawatan Penolong-Penolong Kanan di sekolah rendah dalam tempoh yang terdekat ini sukar diisi kerana terdapat alternatif kenaikan pangkat secara time-based. Elaun Penolong Kanan pula tidaklah seberapa. Tanggungjawab yang perlu dipikul amat berat. Rentetan dari realiti ini akan tercetus pula kesukaran pengisian jawatan Guru-Guru Besar terutama yang berkualiti.

Kesimpulan dari initipati mukadimah di atas menjuruskan kami di bawah gagasan Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia untuk mengemukakan beberapa cadangan yang dilhat dapat menambahbaik profesion keguruan dan pendidikan negara ini amnya, serta pendidikan peringkat sekolah rendah dan kebijakan Pengurus Sekolah Rendah khasnya termasuk agenda Memperkasakan Sekolah Kebangsaan.

Kerajaan telah berbelanja begitu besar untuk pembangunan fizikal dan prasarana pendidikan. Kami mohon seimbangkanlah pula dengan pembangunan modal insan iaitu aspek kemanusiaan warga Pengurusan Sekolah Rendah yang meliputi hal-hal terutamanya kebijakan.

YB Dato' Sri,

**GABUNGAN MAJLIS GURU BESAR MALAYSIA SETELAH SEKIAN LAMA MERINTIH, MERAYU, MENGHARAPKAN DAN BERJUANG UNTUK PERKARA-PERKARA BERIKUT TETAPI MASIH BELUM TERDAPAT SEBARANG TANDA SEMUA INI MENDAPAT PERHATIAN DAN TINDAKAN SEWAJARNYA. OLEH YANG DEMIKIAN PADA TARikh 18 JULAI 2006 MELALUI PERHIMPUNAN KHAS, GABUNGAN MAJLIS GURU BESAR MALAYSIA MENGAMBIL KETETAPAN DAN MEMUTUSKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT MENDAPAT PERHATIAN DAN DIAMBIL TINDAKAN SEGERA OLEH YB DATO' SRI SENDIRI SELAKU MENTERI PELAJARAN MALAYSIA.**

## **1. PERJAWATAN**

- 1.1 Diwujudkan Gred Gaji seperti berikut:
  - 1.1.1 DGA 29 Gred Jawatan PPPLD ( sedia ada )
  - 1.1.2 DGA 32 Gred Jawatan "Time-based" ( sedia ada )
  - 1.1.3 DGA 34 Gred Jawatan Guru Penolong Kanan ( Cadangan )
  - 1.1.4 DGA 38 Gred Jawatan Guru Besar ( Cadangan )
  - 1.1.5 DGA 40 Gred Jawatan Guru Besar Cemerlang ( Cadangan )  
(imbas kembali hasrat dan harapan YAB Perdana Menteri mengenai peluang kenaikan pangkat Guru Besar sewaktu Ucapan Merasmikan Hari Guru Peringkat Kebangsaan)
  - 1.1.6 DG 44 KUP PPPS - Gred Jawatan Guru Besar Siswazah (Cadangan)
  - 1.1.7 Kaedah perlantikan ke Jawatan Guru Besar hendaklah melalui proses temuduga dan diikuti Kursus Asas Pra Pengurusan di mana-mana institusi yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

## **2. UPAH, GANJARAN DAN INSENTIF (“PERKS”)**

- 2.1 Diberikan kadar seperti berikut:
  - 2.1.1 Elaun Penolong Kanan hendaklah pada kadar 10 % daripada Gaji Hakiki bersesuaian dengan beban tugas dan tanggung jawab yang dipikul.
  - 2.1.2 Elaun Keraian Guru Besar dinaikkan dari 5% kepada 15 % daripada Gaji Hakiki.
  - 2.1.3 Elaun Khas Guru Besar dinaikkan dari RM100.00 kepada RM300.00
  - 2.1.4 Kelayakan Elaun-elaun Hotel, Lojing, Makan dan Harian dinaikkan ke satu tahap yang bersesuaian dengan taraf jawatan Pengurus Sekolah dan Ketua Jabatan yakni tidak disamakan dengan kakitangan lain dalam Kumpulan Sokongan.
  - 2.1.5 Syarat Kelayakan menerima BISP untuk Guru Besar dan Penolong Kanan disamakan dengan Guru Penolong.
  - 2.1.6 Guru-Guru Besar yang melaksanakan Kelas KAFA juga diberikan Elaun Khas sepetimana yang diterima oleh Guru KAFA.

## **3. PENGURUSAN SEKOLAH**

- 3.1 Perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan:
  - 3.1.1 Kadar PCG ditambah selaras dengan kos indeks pengguna semasa.
  - 3.1.2 Diwujudkan peruntukan Khas untuk bayaran utiliti.
  - 3.1.3 Konsep dan kaedah perlaksanaan PTJ diperluaskan dan dilaksanakan segera dengan sepenuhnya di seluruh Negara. Ini merangkumi sekolah-sekolah PTJ sedia ada yang perlu diberikan kuasa perlaksanaan PTJ yang sebenar.
  - 3.1.4 Diberikan bayaran insentif kepada sekolah-sekolah yang memenangi anugerah-anugerah pertandingan anjuran Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri.

#### **4. PERSEKITARAN KERJA**

- 4.1 Kuasa eksekutif Guru Besar dan persekitaran kerja yang terhakis dikembalikan.
  - 4.1.1 Urusan Pemilihan Tender Kantin hendaklah diputuskan oleh Guru Besar bersama Jawatankuasa Pemilihan Tender, bukan oleh JPN atau PPD.
  - 4.1.2 Guru Besar Bukan Siswazah dibolehkan membuat penilaian prestasi tahunan ke atas pegawai-pegawai bawahannya tanpa mengira gred jawatan atas kapasiti Ketua Jabatan.
  - 4.1.3 Diwujudkan peluang dan diberi keutamaan untuk Guru-Guru Besar melawat ke luar negara melalui anjuran Kementerian Pelajaran agar dapat menimba ilmu dan pengalaman pendidikan bertaraf dunia negara-negara maju.
  - 4.1.4 Kecemerlangan UPSR tidak menjadi kriteria utama pemilihan pelajar ke SBP kerana memberikan tekanan kepada warga pendidik dan telah mewujudkan persepsi yang salah di kalangan waris pelajar. Satu bentuk Ujian Khas Pemilihan Pelajar ke SBP dari kalangan pelajar cemerlang hendaklah dilaksanakan supaya kecemerlangan UPSR tidak dilihat sebagai tiket automatik ke SBP dan menjadi merit ukuran kejayaan sesebuah sekolah.
  - 4.1.5 Pengurusan sekolah kini berada dalam dilema ekoran kenyataan-kenyataan dalam media cetak dan media elektronik yang dilihat begitu banyak memihak kepada masyarakat dan tidak begitu menyokong peranan guru. Masyarakat boleh terkeliru dan akan menggunakan segala peluang dan kaedah yang ada untuk menghukum sekolah terutama pihak pengurusan. Gabungan Majlis Guru Besar merasakan perkara seumpama ini akan membantut usaha-usaha murni warga pendidikan menjayakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke atas warisan bangsa.

## **PENUTUP**

Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia berasa amat bimbang sekiranya kegagalan memorandum ini dilaksanakan segera akan menyebabkan kecelaruan dalam hala tuju agenda pendidikan nasional dan juga pengurusan pendidikan di sekolah rendah.

Arak-arak Kelapa Tuan,  
Tidak Tuan Kelapa Bali,  
Harap-harap Kepada mu Tuan,  
Tidak Tuan Siapalah Lagi.

Sekian, keperihatinan dan perhatian sewajarnya dari Yang Berhormat Dato' Sri kami dahului dengan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.